



**PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG  
KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER**

**TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER KE ATAS TANAH SELUAS LEBIH KURANG 79.6 EKAR (322,131.1 METER PERSEGI) DI PT 22184 DAN PT 22185 SUNGAI PULOH, MUKIM KAPAR, DAERAH KLANG**

**TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.

Perihal tanah adalah seperti berikut:-

1. Lokasi Tanah : PT 22184 dan PT 22185 Sungai Puloh, Mukim Kapar, Daerah Klang
2. Pelan Tapak : **Seperti di Lampiran**
3. Butiran Tanah :
  - a. Luas : 79.6 ekar (322,131.1 meter persegi)
  - b. Kegunaan yang perlu akan dibenarkan : Perindustrian
  - c. Zoning : Industri (Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 3) 2020.
  - d. Dasar / Polisi Kerajaan Negeri perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan.
    - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 19/2016 pada 8 Jun 2016 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Arahan PTGS Bil. 3/2016 bertarikh 1 September 2016 dibaca bersama Pekeliling PTGS Bil. 6/2010 bertarikh 21 April 2010.
    - ii. Perlu menyediakan cadangan jalan keluar masuk ke tapak yang dimaksudkan.
    - iii. Pelan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi yang berminat, sila dapatkan borang permohonan **PB01/2010** dengan bayaran **RM5.00** dan **Dokumen Tender** dengan bayaran **RM50.00** daripada **Pejabat Daerah / Tanah Klang**. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**PENTADBIR TANAH KLANG  
Pejabat Daerah / Tanah Klang  
Jalan Kota  
41902 KLANG  
SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh Tutup : 7 Mac 2017 - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.